

# Laporan Khas Sabtu



## HUTAN SIMPAN SEMAKIN MENGEcil

Keluasan Hutan Simpan Ayer Hitam di Puchong, Selangor semakin berkurangan mencetuskan kebimbangan kerana hutan tersebut bukan sahaja bertindak sebagai 'paru-paru' yang membekalkan oksigen kepada penduduk sekitar Lembah Klang, tetapi nilai mineralnya mencecah puluhan juta. Wartawan, LILIS SURIANI OMAR dan jurufoto, FAISOL MUSTAFA turun ke lokasi baru-baru ini bagi meninjau sendiri keadaan Hutan Simpan Ayer Hitam.

**S**AYANG seribu kali sayang, satu-satunya hutan pamah yang masih wujud di tengah kawasan segi tiga emas antara Kuala Lumpur, Shah Alam dan Putrajaya kini tinggal satu perempat sahaja, manakala selebihnya telah digunakan untuk tujuan pembangunan.

Pensyarah Bidang Remote-Sensing Gunaan dan GIS, Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd. Hasmadi Ismail berkata, Hutan Simpan Ayer Hitam di Selangor merupakan 'paru-paru' yang menapis dan membekalkan oksigen kepada penduduk sekitar Lembah Klang.

"Hutan ini keluasan asalnya

adalah 4,270.7 hektar dan telah diwartakan sebagai hutan simpan tertutup pada 1906. Tetapi keluasannya telah berkurang kepada 1,176.1 hektar pada masa ini akibat keperluan pembangunan dan perindustrian di kawasan sekitarnya.

"Lokasinya yang terletak di kawasan pembangunan pesat menjadikan 'pulau hutan' ini sebagai satu-satunya hutan pamah yang berfungsi sebagai agen pemprosesan karbon dioksida dan membekalkan sumber oksigen kepada kawasan sekitarnya di Lembah Klang," katanya ketika ditemui di Fakulti Perhutanan UPM baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya bimbang jika kawasan hutan

tersebut tidak dijaga dan dibiarakan diteroka untuk sebarang aktiviti pembangunan masa depan, ia akan membawa kepada masalah perubahan iklim dan cuaca yang lebih teruk kelak.

Katanya, ekosistem hutan tropika mengandungi jumlah biojisim yang banyak serta memainkan peranan penting dalam penyerapan karbon dan mengatur perubahan cuaca. Isu perubahan iklim menjadi agenda utama pada masa ini dan mendapat perhatian seluruh masyarakat kerana peranan

pentingnya sebagai pengitar kepada karbon dunia.

"Pada tahun 2008 terdapat 70 peratus peningkatan kesan rumah hijau antara tahun 1970 hingga 2004.

Karbon dioksida adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 80 peratus setahun. Hutan tropika berfungsi

sebagai tempat pengumpulan karbon dioksida dan pengawalan iklim global.

"Maka ia merupakan sinki karbon yang utama kepada ekosistem walaupun hanya

meliputi lebih kurang 15 peratus daripada luas permukaan dunia. Secara umumnya hutan tropika yang matang mampu menyimpan kira-kira 56 peratus karbon di dalam bentuk biojisim dan 32 peratus di dalam tanah hutan," katanya.

Tambah Mohd. Hasmadi, Hutan Simpan Ayer Keroh sangat penting kepada komuniti setempat dalam memastikan keseimbangan suhu dan iklim di kawasan sekitarnya terutama sekali kerana kedudukannya di tengah antara bandar-bandar besar dan kawasan perindustrian.

"Saya tak dapat bayangkan jika hutan ini tiada atauerosot kualitinya, cuba fikirkan

sekiranya di tempat kita sudah tidak ada pusat penyimpanan karbon dan ia dilepaskan terus ke atmosfera oleh aktiviti manusia, kenderaan dan kilang-kilang, sudah tentu memberi kesan kepada kualiti udara dan suhu sekitarnya.

"Oleh itu, kerajaan perlu melihat hutan ini sebagai satu aset yang perlu dijaga rapi dan dalam masa sama, masyarakat juga harus mengetahui nilai tambah yang terdapat dalam hutan simpan sebagai warisan untuk masa hadapan. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya mengorbankan apa yang kita ada sekarang agar tidak menyesal di kemudian hari," katanya.

### Statistik pencerobohan di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong

1,000 orang  
2014

383 orang  
2015

339 orang  
2016  
(Janari-Mei)

- » Sebanyak 4 kes orang sesat pada 2015
- » Sebanyak 3 kes orang sesat, antara Januari hingga Mei 2016

- » Sabit kesalahan penjara tiga tahun atau denda RM10,000 di bawah Seksyen 47(1) Larangan Memasuki Hutan Simpan, Akta Perhutanan Negara 1984 pindaan 1993.

- » Bilangan pencerobohan yang direkodkan adalah ketika kakitangan menjalankan aktiviti rondaan hutan.
- » Jumlah sebenar dipercayai lebih daripada jumlah direkodkan.

## Pencerobohan hutan terus berlaku

**PENCEROBOHAN** merupakan salah satu cabaran terbesar yang dihadapi Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam mengurus Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, Selangor. Antara sebab kenapa hutan itu kerap diceroboh adalah lokasinya berdekatan dengan penempatan manusia, selain memiliki tarikan alam semula jadi termasuk jeram dan air terjun yang cantik.

Penolong Pemelihara Hutan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd. Naeem Abdul Hafiz Mohd. Hafiz berkata, faktor lain adalah hutan tersebut kaya dengan sumber alam semula jadi terutama herba dan kayu-kayan bernilai tinggi.

Menurutnya, pegawai penguatkuasa UPM sering terserempak dengan orang awam yang masuk ke hutan itu secara haram bagi tujuan rekreasi.

"Larangan masuk ke Hutan Simpan Ayer Hitam adalah kerana hutan itu telah digazetkan sebagai Hutan Pengajaran dan Hutan Penyelidikan pada Februari 2008.

"Sesiapa yang ingin memasuki hutan ini perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak dekan Fakulti Hutan UPM. Tetapi apa yang berlaku sekarang, ramai orang awam menceroboh untuk pergi ke kawasan air terjun. Lebih memburukkan keadaan ada dalam kalangan mereka sesat sehingga terpaksa diselamatkan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, katanya, kedudukan hutan yang terletak begitu hampir dengan kawasan perumahan dan tidak berpagar menyebabkan hutan berkenaan mudah dimasuki sesiapa sahaja.

Selain itu, pihaknya juga ada menerima aduan daripada penduduk sekitar mengenai gangguan haiwan liar dan apabila disiasat, rupa-rupanya penduduk gemar memberi makan kepada binatang liar terabit, menyebabkannya datang semula bagi mendapatkan makanan.

Dalam masa yang sama, katanya, masalah penambakan tanah oleh kontraktor dan



aktiviti mengubah landskap turut menjadikan ekosistem dan struktur muka bumi hutan simpan itu.

"Kami menerima banyak kes penambakan tanah ke dalam kawasan hutan sejak 2009. Selain itu, ada juga kerja-kerja lengcongan air tanpa kebenaran di 'compartment' tertentu. Keadaan ini tidak sepertutnya berlaku dan semua pihak harus menghormati hutan ini sebagai hutan simpan,"

tambahnya.

Bagi meningkatkan kefahaman penduduk tentang kepentingan hutan berkenaan, pihak UPM pernah mengadakan pertemuan dengan penduduk sekitar dan dalam majlis dialog yang diadakan itu, penduduk dimaklumkan hanya kawasan sepanjang 2.8 kilometer sahaja dibuka untuk aktiviti penduduk. "Sungguhpun begitu, masalah pencerobahan tetap berlaku

sehingga sekarang," katanya sambil memberitahu pihak UPM tidak mempunyai kuasa untuk menahan mereka dan kes tersebut perlu dilaporkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, kesan daripada pencerobohan yang berterusan di Hutan Simpan Ayer Hitam adalah denai (trail) menjadi semakin lebar dan tanah semakin mendap, manakala perbuatan

menak pokok sebagai penanda jalan pulak telah melakukan kulit pokok.

"Bila tanah mendap, batu dan akar-akar kayu akan mula menonjol ke permukaan tanah. Tumbuh-tumbuhan tidak dapat hidup kerana kemampatan tanah terlalu tinggi. Aktiviti seperti penggunaan sabun, membuat sampah ke dalam sungai pulak menyebabkan air semakin tercemar," ujarnya.